

# FKI bantu pencapaian akademik di UMS

UB 14.11.2024 P.04

LABUAN: Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) banyak menyumbang kepada pencapaian akademik dan pembangunan teknologi maklumat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik UMS, Prof. Madya Dr. Mohd Hanafi Ahmad Hijazi berkata, FKI berjaya menghasilkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan tinggi tetapi juga mempunyai kebolehpasaran yang amat tinggi dalam sektor pekerjaan.

Katanya, sebagai sebuah fakulti yang komited terhadap kecemerlangan akademik dan inovasi, FKI mencapai pelbagai kejayaan sepanjang 25 tahun penuhuhannya.

Beliau berkata, sehingga

2023, FKI berjaya melahirkan graduan prasiswazah seramai lebih kurang 4,643 dan graduan pascasiswazah seramai 104 orang.

"Peratusan kebolehpasaran graduan FKI berada pada tahap yang membanggakan iaitu melebihi 95 peratus sejak tiga tahun terakhir dan sekurang-kurangnya 80 peratus mendapat pekerjaan atau sedang menyambung pengajian.

"Malah, alumni FKI juga berjaya melakar kecemerlangan dalam pelbagai bidang teknologi maklumat di dalam dan luar negara, menjadi bukti bahawa FKI mampu melahirkan graduan berdaya saing dan berwawasan," katanya.

Beliau berkata demikian



**PAMERAN:** Mohd Hanafi (tiga kanan) bersama Mohamad Rizal (dua kanan), Geoffrey (dua kiri) dan Zamri (kanan) melawat pameran sempena Hari Terbuka Fakulti Komputeran dan Informatik 2024.

ketika berucap merasmikan 'FKI Open Day' di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), baru-baru ini.

Turuthadir Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Mo-

hamad Rizal Abdul Hamid; Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Ketua Pen-tadbiran, UMSKAL Zamri Mohammad Tuah.